

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003**

**Februari/Mac 2003**

**RAK 343 – Kajian Perumahan**

**Masa : 2½ jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Jawab **DUA** soalan sahaja daripada **BAHAGIAN A** dan jawab **SEMUA** soalan daripada **BAHAGIAN B**.

**BAHAGIAN A (Jawab DUA soalan sahaja)**

1. (a) Jelas secara ringkas bentuk-bentuk pembiayaan pembangunan perumahan.  
  
(20 markah)  
  
(b) Sejak akhir-akhir ini institusi-institusi kewangan di negara kita telah mengadakan kemudahan pinjaman yang menarik untuk pembeli rumah. Kenapakah ini berlaku dan apakah bentuk-bentuk kemudahan disediakan supaya pencapaian sasaran dalam ruang kemampuan pengguna?  
  
(80 markah)  
  
2. Lazimnya untuk golongan pendapatan rendah pembangunan disediakan ialah perumahan kos rendah. Tetapi jika sumber-sumber pembekal perumahan dan juga pengguna terhad, terdapat tiada penemuan jurang kedua-dua pihak tersebut.  
  
Apakah pendekatan alternatif boleh diadakan supaya perumahan boleh dinikmati oleh semua golongan.  
  
(100 markah)  
  
3. Apakah struktur komponen dasar perumahan negara dan dengan mengambilira negara kita sebagai contoh terangkan secara ringkas aliran komponen tersebut daripada inisiasi hingga ke perlaksanaan.  
  
(100 markah)

**BAHAGIAN B (Jawab SEMUA soalan)**

4. Dalam Rancangan Malaysia Ke 6 aktiviti pengeluaran perumahan telah dijalankan dengan begitu giat kesan daripada pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat pada awal sehingga pertengahan 1990'an. Pada tahun 1998 negara Malaysia telah mengalami kegawatan ekonomi yang serius mengakibatkan banyak projek-projek perumahan terbengkalai.

Bincangkan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul akibat daripada kegawatan tersebut. Jelaskan pihak-pihak yang terlibat dalam usaha-usaha ke arah pemulihan.

(100 markah)

5. Perkembangan penawaran perumahan di Malaysia mempunyai hubungkait yang rapat dengan perkembangan teknologi umumnya. Bincangkan pengaruh kemajuan teknologi ke atas tipologi dan rekabentuk perumahan semasa dan arah alirannya di masa hadapan.

(100 markah)

ATAU

Perbincangan tentang kualiti rekabentuk kediaman memerlukan pencarian kriteria yang dapat membezakan antara kediaman yang baik dan yang buruk. Nyatanya, kriteria-kriteria yang berbeza berkemungkinan menjadi penting kepada penghuni-penghuni perumahan yang berbeza samada pada peringkat individual, isirumah dan komuniti. Walaubagaimana pun terdapat kriteria-kriteria kualiti kediaman yang dikongsi-sama oleh penghuni-penghuni perumahan umumnya. Huraikan kriteria-kriteria yang dimaksudkan ini.

(100 markah)